

NO SIRI :



BORANG LOT NIAGA

“KEUSAHAWANAN UNTUK SEMUA”

Percuma

1.0 PENGENALAN

Karnival Keusahawanan USM ialah satu platform bagi memperkenalkan dan mempamerkan produk inovatif berdaya komersial USM dan satu jalan untuk pepadanan perniagaan. Serentak dengan itu, industri dan agensi luar dijemput mempamerkan produk mereka dan seterusnya mencari peluang untuk kolaborasi dan pembiayaan antara USM dan industri.

Objektif program ini ialah :

- Memperkenalkan hasil penyelidikan barangan dan perkhidmatan USM yang mempunyai nilai komersial.
- Mewujudkan pasaran baru dan memperluaskan pasaran sedia ada serta meningkatkan jualan barangan dan perkhidmatan USM.
- Meningkatkan potensi untuk pepadanan perniagaan dalam bentuk peluang kerjasama atau pembiayaan produk inovatif USM.
- Membina jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan dan industri.
- Menyediakan peluang dan prasarana bagi warga USM untuk berniaga dan sekaligus memupuk budaya keusahawanan.
- Menjana pendapatan universiti.

2.0 PENYERTAAN

Koridor Niaga membuka peluang penyertaan kepada semua pihak yang berminat untuk memeriahkan suasana Karnival Keusahawanan 2014 (USMEC 2014) yang julung kali diadakan ini. Syarikat-syarikat dan individu yang berminat dipelawa membuat permohonan melalui borang yang telah disediakan.

3.0 TARIKAN USMEC 2014

a. Pameran

- Pameran Produk Inovatif USM (DUP A)
- Pameran Produk Agro (DUP B)
- Pameran Produk Industri (DUP C)

- b. Koridor Niaga – Padang Kawad, USM
 - (40 lot untuk jualan produk lain-lain dan 30 lot untuk jualan produk makanan)
- c. Persembahan Kebudayaan dan Kesenian – Pentas Utama, Padang Kawad, USM
- d. Sukan dan Rekreasi

4.0 CARA MEMOHON

Pemohon boleh memuat turun borang tempahan lot niaga yang disediakan oleh Jawatankuasa Koridor Niaga daripada laman web USMEC iaitu www.usmec.usm.my (bermula 17 Februari) atau mendapatkan borang ini di alamat berikut :

Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP),

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar,

Kompleks Cahaya Siswa, USM, 11800 Pulau Pinang.

Tel.: 04-6579908

Faks: 04-6581745

Jawatankuasa Koridor Niaga	No. Telefon
Nur Afiqah Binti Khalid	017 - 413 4319
Mohd Aidid Waliyuddin Bin Remli	017 - 360 6785
Fatin Normazlina Binti Mohammad Fairuz	017 - 515 0153
Farahiah Binti Mohd Hardi	013 - 634 5932

SENARAI HARGA

Saiz Khemah	Warga USM (RM)			Bukan Warga USM (RM)		
	Sewa: Makanan	Sewa: Lain-lain	Cagaran	Sewa: Makanan	Sewa: Lain-lain	Cagaran
10' x 10'	-	450	200	-	550	250
10' x 20'	700	-	200	800	-	250

PERINGATAN: Peniaga perlu beroperasi di tapak perniagaan ini sepanjang USMEC 2014, iaitu selama 3 hari (14-16 Mac 2014, 9.00 pagi hingga 10.30 malam)

TARIKH-TARIKH PENTING

Bil.	Perkara	Tarikh	Masa
1.	Peniaga Muat Turun/Ambil Borang Permohonan Sewa Lot Niaga	12 Feb – 3 Mac 2014	8.00pg – 4.00ptg
2	Peniaga Serah Borang Lengkap Diisi	12 Feb – 3 Mac 2014	8.00pg – 4.00ptg
3	Proses Kemasukan Data Permohonan Peniaga	03 – 04 Mac 2014	-
4	Pemilihan Peniaga	05 Mac 2014	-
5	Keputusan Peniaga yang Berjaya	06 Mac 2014	8.00pg – 5.00ptg
6	Pemasangan Khemah oleh Kontraktor	09 – 13 Mac 2014	-
7	Taklimat kepada Peniaga, Undian Tapak dan Pembayaran Tapak Serta Cagaran	10 Mac 2014	2.00ptg – 5.00ptg
8	Peniaga Daftar Masuk	13 Mac 2014	2.00ptg
9	USMEC 2014	14 – 16 Mac 2014	9.00pg – 10.30mlm
10	Peniaga Daftar Keluar	16 Mac 2014	11.00mlm
11	Penurunan Khemah oleh Kontraktor	17 – 19 Mac 2014	-
12	Pemulangan Duit Cagaran	7 – 11 April 2014	-

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LOT KORIDOR NIAGA

5.1. PERMOHONAN

5.1.1 Pemohon mestilah menggunakan borang rasmi yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014.

5.1.2 Permohonan (yang berjaya sahaja) dikenakan bayaran sebanyak **RM20.00** sebagai **wang proses borang**.

5.1.3 Borang hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas. Butir-butir yang diperlukan seperti nama, alamat, status dan jenis jualan perlu disertakan dengan jelas.

Borang yang tidak lengkap akan ditolak.

5.1.4 Barangan yang hendak dijual perlu disenaraikan dengan jelas.

5.1.5. Borang yang telah siap diisi hendaklah sampai dalam bentuk *hard copy* kepada Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang **atau** secara email kepada usmec@usm.my , selewat-lewatnya **jam 4.00 petang** antara **12 Februari - 3 Mac 2014**. Permohonan yang lewat tidak akan diterima.

5.2. PERMOHONAN YANG BERJAYA

5.2.1. Pemohon-pemohon yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis dan keputusannya akan dipamerkan di pejabat Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) dan/atau dimuat naik ke laman web USMEC **selewat-lewatnya 6 Mac 2014 jam 10.00 pagi**. Pemohon yang berjaya diwajibkan hadir ke **sesi taklimat, undian lot niaga dan sesi tandatangan surat ikatan perjanjian pada 10 Mac 2014**. Pemohon yang gagal berbuat demikian dianggap menolak lot yang ditawarkan dan permohonan akan dibatalkan. Sebarang rayuan dan surat-menyurat tidak akan dilayan.

5.3. BAYARAN

5.3.1. Pemohon yang berjaya dikehendaki membuat bayaran keseluruhan sebelum atau selewat-lewatnya pada hari taklimat. Bayaran yang dijelaskan selepas hari taklimat tidak akan diterima. Pemohon yang tidak menjelaskan bayaran pada tarikh tersebut dikira menolak lot niaga yang ditawarkan.

5.3.2 Segala pembayaran adalah dalam bentuk berikut :

i) Bayaran Tunai

Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar,
Kompleks Cahaya Siswa, USM, 11800 Pulau Pinang.

- ii) Draf bank berpaling (*bank draft*) atas nama Bendahari USM.
(Transaksi dalam negara)

Nama Penerima : Bendahari Universiti Sains Malaysia

Nama Bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad

No. Akaun : 0702-0001054-71-6

(Transaksi bank seperti PindaanTelegrafik (TT) dari luar negara)

Nama Penerima : Bendahari Universiti Sains Malaysia

Nama Bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad

No. Akaun : 0702-0001054-71-6

Swift Code : BMMBMYKL

5.4. PEMBATALAN LOT NIAGA

- 5.4.1.** Sekiranya pembatalan lot niaga dibuat oleh peniaga USMEC 2014 **SELEPAS SESI TAKLIMAT**, 50% wang sewaan dan keseluruhan wang cagaran tidak akan dikembalikan.

5.5. KEKOSONGAN LOT NIAGA

- 5.5.1.** Jika terdapat kekosongan lot niaga, pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 akan menghubungi pemohon yang tidak berjaya semasa pemilihan pertama.
- 5.5.2.** Keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kategori dan jenis barangan yang sama dengan keperluan lot koridor niaga.
- 5.5.3.** Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 di talian telefon pejabat: **04-657 9908** atau hubungi jawatankuasa koridor niaga ;

Jawatankuasa Koridor Niaga	No. Telefon
Nur Afiqah Binti Khalid	017 - 413 4319
Mohd Aidid Waliyuddin Bin Remli	017 - 360 6785
Fatin Normazlina Binti Mohammad Fairuz	017 - 515 0153
Farahiah Binti Mohd Hardi	013 - 634 5932

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEWAAN LOT KORIDOR NIAGA

6.1. HAK MILIK LOT NIAGA

6.1.1. Hanya pemohon yang permohonannya diluluskan sahaja dibenarkan berniaga sepanjang USMEC 2014. **Tindakan keras akan diambil kepada peniaga yang beroperasi tanpa kelulusan Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014.**

6.1.2. Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan memindah milik, menyewakan, memajak atau seumpamanya, sama ada sebahagian atau keseluruhan lot niaga mereka kepada pihak lain. Sekiranya pemohon yang berjaya dikenal pasti berbuat demikian, maka jawatankuasa akan membuat tindakan seterusnya.

6.2. BARANGAN

6.2.1. Peniaga hanya boleh berniaga mengikut **SATU KATEGORI SAHAJA** dan hanya dibenarkan menjual barangan seperti yang telah tercatat dalam borang permohonan sahaja. Berikut merupakan senarai jenis barang yang telah ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014.

Kategori	Contoh Barangan yang Sepatutnya Dijual
Makanan	Pelbagai jenis makanan dan minuman
Lain-lain	❖ Cenderamata & Kraftangan Anak patung, kraftangan, <i>soft toys</i> , <i>teddy bouquet</i> , <i>keychain</i> , bingkai gambar, <i>mug</i>
	❖ Pakaian & Tekstil Bagi Lelaki Sebarang tekstil atau fabrik (<i>pelbagai jenis kain & fabrik bagi lelaki</i>)
	❖ Pakaian & Tekstil Bagi Perempuan Sebarang tekstil atau fabrik (<i>pelbagai jenis kain & fabrik bagi perempuan</i>)
	❖ Korporat, Bahan Ilmiah, Kosmetik Dan Lain-Lain Produk Aksesori Kosmetik, perhiasan wanita, tali pinggang, beg, dompet, kasut, minyak wangi, kerongsang, rantai, cincin, aksesori rambut, ubat-ubatan, buku (<i>sebarang barangan fabrik seperti kain pasang tidak termasuk di dalam kategori ini</i>)

*Jualan longgok dan/atau *bundle* tidak galakkan.

6.2.2. Peniaga yang ingin menjual barangan yang mempunyai tulisan, logo atau cop USM dan USM Entrepreneurship Carnival 2014 (USMEC 2014) perlu menyertakan surat kebenaran daripada pihak Pusat Pembangunan Perniagaan, Keusahawanan dan Pengurusan Risiko (CBER, USM).

6.3. PEMILIHAN LOT NIAGA

6.3.1. Semua **peniaga akan melalui proses undian** untuk menetapkan kawasan lot niaga masing-masing. Keutamaan untuk memilih lot niaga akan diberi kepada peniaga yang **membeli lebih daripada satu lot niaga**.

6.3.2. Sekiranya terdapat sebarang pertindihan pemilihan lot niaga, proses undian akan dijalankan. **Sebarang surat menyurat dan rayuan selepas tempoh pemilihan tidak akan dilayan.**

6.4. PAS KEBENARAN

- 6.4.1. Pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 akan mengeluarkan **“Pas Kebenaran Berniaga”** kepada semua peniaga dan peniaga perlu memakainya sepanjang masa.
- 6.4.2. Satu dokumen akan dikeluarkan berkenaan **“Pelekat Kebenaran Kenderaan”** semasa taklimat diadakan dan **Jabatan Keselamatan USM akan mengeluarkan** pelekat tersebut. **“Pelekat Kebenaran Kenderaan”** hendaklah dipamerkan pada kenderaan pengangkutan peniaga sepanjang USMEC 2014 berlangsung.

6.5. PENGUBAHSUAIAN LOT NIAGA

- 6.5.1. **Peniaga dilarang sama sekali mengubahsuai lot niaga sesuka hati** sehingga mengancam atau mengganggu keselamatan awam dan peniaga bersebelahan. Sebarang perubahan perlulah mendapat kebenaran pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 terlebih dahulu dan mempunyai sebab yang munasabah.
- 6.5.2. **Peniaga juga dilarang sama sekali untuk memindah gerai atau membina lot niaga sendiri di tempat lapang.** Sekiranya didapati bersalah, pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 akan mengeluarkan penalti. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan selepas itu tidak akan dilayan.
- 6.5.3. Satu kawasan makan khas yang berbumbung akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014. Oleh itu, para peniaga makanan dan minuman tidak perlu menambahkan kawasan lot niaga mereka untuk tujuan tersebut.
- 6.5.4. **Peniaga tidak dibenarkan menambah lampu atau menambah peralatan elektrik** sehingga menyebabkan bekalan elektrik terputus kerana berlebihan

voltan. Sekiranya hal ini berlaku, maka peniaga akan dikenakan penalti mengikut budi bicara pihak USMEC 2014. Sebarang pengubahan perlulah mendapat kebenaran pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 terlebih dahulu dan mempunyai sebab yang munasabah.

6.6 KEBERSIHAN

6.6.1 Kebersihan mestilah diutamakan. Lot-lot niaga mestilah sentiasa bersih dan berkeadaan baik sepanjang masa. Wang cagaran **tidak akan dikembalikan** sekiranya peniaga didapati melanggar syarat ini.

6.6.2 Menjadi tanggungjawab peniaga premis perniagaan untuk mengeluarkan sisa perniagaan (sampah-sarap) berbentuk kering atau basah sepanjang tarikh karnival dan selepas karnival tersebut.

6.6.3 Peniaga hendaklah membungkus sisa perniagaan (sampah-sarap) dan terus membuang sisa perniagaan (sampah-sarap) ke tempat yang disediakan.

6.7 PERALATAN

6.7.1 Peniaga **tidak dibenarkan menggunakan peralatan persendirian** selain daripada barangan yang dibenarkan oleh pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014. Sekiranya didapati berlaku, denda akan dikenakan kepada peniaga tersebut.

6.7.2 Segala peralatan yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 adalah di bawah tanggungjawab para peniaga. **Segala kerosakan atau kehilangan akan dikenakan gantirugi.** Setiap lot niaga akan dibekalkan seperti berikut :

- 1 meja (3'x 6')
- 2 buah kerusi plastik
- 1 *power point* (punca elektrik)
- 1 lampu kalimantang

6.7.3 Pertambahan peralatan lain boleh dibuat sebelum atau semasa sesi taklimat pada **10 MAC 2014** dan dikenakan sewa.

6.7.4 Segala peralatan yang dibekalkan dan peralatan tambahan perlulah dihantar ke kaunter Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 dalam jumlah yang mencukupi pada hari terakhir USMEC 2014 selewat-lewatnya pada jam 11.00 malam.

6.8 KERJASAMA

6.8.1 Para peniaga hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Ahli Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 yang sedang menjalankan tugas. Jika berlaku sebaliknya, pihak Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 boleh mengarahkan peniaga supaya mengosongkan premis perniagaan sewaan dalam masa 24 jam dan wang sewa dan cagaran tidak akan dikembalikan.

6.9 PENUTUPAN LOT NIAGA

6.9.1 Perniagaan hendaklah ditutup selewat-lewatnya **jam 11.00 malam** sepanjang karnival keusahawanan berlangsung.

6.9.2 Bekalan air akan dibuka dari pukul 6.00 pagi hingga 12.00 malam sahaja.

6.9.3 Bekalan elektrik akan dibekalkan selama 24 jam.

6.10 PENGEMBALIAN WANG CAGARAN

6.10.1 Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya :

- Peniaga atau wakilnya yang pada pendapat Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 **melanggar syarat-syarat** seperti yang termaktub dalam borang tempahan lot niaga.

- Peniaga merosakkan, mencuri, atau menghilangkan barang-barang peniaga yang lain atau barangan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014.
- Peniaga membatalkan tempahan lot niaga yang dibuat dalam jangka masa yang telah ditetapkan.
- Peniaga memindah milik, menyewakan, memajak, atau seumpamanya, sama ada sebahagian atau keseluruhan lot niaga mereka kepada orang lain.
- Tahap kebersihan lot niaga tidak memuaskan seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014.
- Peniaga menggunakan kawasan di luar lot niaga masing-masing secara berlebihan sehingga mengganggu laluan pengunjung.
- Berlaku pergaduhan sama ada di antara peniaga dan Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 atau sesama peniaga.
- Peniaga mengubahsuai lot niaga sehingga menjejaskan keselamatan awam dan peniaga bersebelahan.
- Peniaga tidak memberikan kerjasama yang baik atau tidak mematuhi arahan serta larangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Koridor Niaga USMEC 2014 dari semasa ke semasa sepanjang Karnival berlangsung.
- Peralatan yang dibekalkan dan peralatan tambahan sewaktu pemulangan tidak mencukupi seperti yang dicatatkan.

6.10.2 TARIKH PENGEMBALIAN WANG CAGARAN

- **SATU BULAN SELEPAS USMEC 2014 BERAKHIR**
Pembayaran akan dibuat melalui deposit akaun peniaga oleh Jabatan Bendahari.
**Sila lampirkan maklumat akaun bank.*

6.11 PENGGUNAAN *ECOPACK*

- 6.11.1** Diingatkan bahawa penggunaan **beg plastik** adalah **TIDAK DIGALAKKAN** **kecuali** atas permintaan pelanggan.
- 6.11.2** Peniaga juga **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan **bekas polisterena, kertas minyak** dan ***paper cup***. Bahan-bahan ini hendaklah digantikan dengan *ecopack* yang akan disediakan oleh peniaga sendiri.
- 6.11.3** Bagi peniaga makanan yang berada di medan selera adalah dinasihatkan untuk menghidangkan makanan kepada pengunjung dengan menggunakan pinggan sendiri. Jika tidak, peniaga perlu menyediakan *ecopack* dengan sendiri.
- 6.11.4** Bagi pengunjung yang hendak membungkus makanan mereka, peniaga **DIBENARKAN** mengenakan caj pembungkusan kepada pengunjung. Caj tambahan yang dikenakan hendaklah berpatutan dan sama dengan harga *ecopack* tersebut.
- 6.11.5** Sekiranya peniaga didapati gagal mematuhi polisi ini, peniaga akan dikenakan penalti iaitu wang cagaran tidak akan dikembalikan. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6.12 SESI TAKLIMAT PENIAGA

- 6.12.1** Sesi taklimat penggerai adalah pada **10 MAC 2014** iaitu pada hari **Isnin** jam **2.00 petang**. Peniaga **DIWAJIBKAN** hadir pada sesi tersebut kerana undian lot dan sesi tandatangan surat ikatan perjanjian akan dilangsungkan.
- 6.12.2** Semua peniaga tidak terkecuali untuk menghadirkan diri pada hari tersebut kerana peniaga yang tidak menandatangani surat ikatan perjanjian **TIDAK DIBENARKAN** untuk mendaftarkan diri masuk berniaga di tapak USMEC 2014.
- 6.12.3** Peniaga diwajibkan menandatangani surat ikatan perjanjian yang mana akan berlangsung pada hari sesi taklimat. Surat ikatan perjanjian ini adalah dokumen

rasmi yang wajib ditandatangani untuk mengesahkan persetujuan antara pengeraian dan penganjur.

6.13 LARANGAN

6.13.1 Diingatkan bahawa peniaga **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan aktiviti sebarang bentuk perniagaan yang tidak mendapat kelulusan urusetia USMEC 2014.

6.13.2 Diingatkan bahawa peniaga **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan **BEKAS POLISTIRENA** atau **BAHAN-BAHAN YANG MENGANDUNGI UNSUR-UNSUR POLISTIRENA**.

No Siri :

BORANG PERMOHONAN LOT NIAGA USMEC 2014

1. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

A. PENGUSAHA

- i. NAMA : _____
- ii. NO. KAD PENGENALAN : _____
- iii. ALAMAT TETAP : _____
- iv. PEKERJAAN TETAP : _____
- v. EMAIL : _____
- vi. NO. TEL. : _____

B. SYARIKAT / PERSATUAN / BADAN KEBAJIKAN

- i. NAMA : _____
- ii. NO. PENDAFTARAN : _____
- *jika syarikat anda berdaftar di bawah SSM
- iii. NO. TEL. : _____
- iv. ALAMAT : _____
- v. EMAIL : _____

2. MAKLUMAT PERNIAGAAN

A. KATEGORI : Sila semak ruangan 6.2.1 untuk rujukan lanjut

BIL	PERKARA	CATATAN
A	Makanan & Minuman	
B	Bahan Ilmiah, Kosmetik, Ubat-Ubatan & Aksesori	
C	Pakaian & Tekstil Bagi Lelaki	
D	Pakaian & Tekstil Bagi Wanita	
E	Cenderahati dan Kraftangan	

*Sila isi maklumat terperinci pada lajur Catatan yang berkenaan

B. JENIS BARANGAN : Nyatakan dengan jelas barangan yang akan diniagakan

BIL	PERKARA	CATATAN

C. JENIS LOT

BIL	PERKARA	CATATAN
A	Zon Jualan Lain-lain	
B	Zon Jualan Makanan	

D. BILANGAN LOT DAN SAIZ LOT

BILANGAN LOT	SAIZ LOT	CATATAN

3. PENAMBAHAN PERALATAN

BIL	ALATAN	JENAMA	KUANTITI	CATATAN

4. MAKLUMAT PEKERJA

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	CATATAN

5. PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa segala butiran yang diberikan adalah benar. Sebarang kesilapan yang menyebabkan borang ini tidak diproses atau ditolak adalah tanggungjawab saya sendiri. Saya juga telah membaca dan memahami syarat-syarat permohonan dan penyewaan, dan akan mematuhi. Dengan ini saya akur dengan segala syarat-syarat yang ditetapkan.

TANDATANGAN : _____

NAMA : _____

NO. K/P : _____

TARIKH : _____

*Sila lampirkan bersama salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (jika ada) dan salinan kad pengenalan.

KOSONGKAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT URUSETIA

Tarikh Diterima	Kategori Jualan	Saiz Lot Dipohon	Status Pemohon	Keputusan	Catatan

UNTUK KEGUNAAN BENDAHARI

HARGA LOT: RM	BAYARAN PENUH
TARIKH BAYARAN	
JUMLAH BAYARAN	
PENERIMA	
NO. RESIT	

(Setiap pembayaran mesti dengan resit yang sah)

NO. SIRI
